

**KAPT AMIRRUL HAFIS BIN
MOHAMMAD AL-HAFIZ**

**SARJANA SAINS
(PENGURUSAN SUMBER)**

**UPNM
2022**

**FAKTOR KEBERKESANAN PROGRAM
LATIHAN KURSUS IMAM TERHADAP
PRESTASI KERJA DALAM KALANGAN LAIN-
LAIN PANGKAT KOR AGAMA ANGKATAN
TENTERA DI INSTITUT LATIHAN DAN
KEFAHAMAN ISLAM**

**KAPTEN AMIRRUL HAFIS BIN MOHAMMAD
AL-HAFIZ**

**SARJANA SAINS
(PENGURUSAN SUMBER)**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA**

2022

**FAKTOR KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN KURSUS IMAM
TERHADAP PRESTASI KERJA DALAM KALANGAN LAIN-LAIN
PANGKAT KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA DI
INSTITUT LATIHAN DAN KEFAHAMAN ISLAM**

KAPTEN AMIRRUL HAFFIS BIN MOHAMAD AL-HAFIZ

**SARJANA SAINS
PENGURUSAN SUMBER
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

2022

**FAKTOR KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN KURSUS IMAM
TERHADAP PRESTASI KERJA DALAM KALANGAN LAIN-LAIN
PANGKAT KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA DI INSTITUT LATIHAN
DAN KEFAHAMAN ISLAM**

KAPTEN AMIRRUL HAFIS BIN MOHAMAD AL-HAFIZ

Tesis ini diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, bagi Memenuhi Syarat
Penganugerahan Sarjana (Pengurusan Sumber)

2022

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis faktor keberkesanan Program Latihan Kursus Imam (PLKI) di Institut Latihan dan Kefahaman Islam (ILMI) untuk para Imam dalam kalangan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Kajian ini juga turut menganalisis faktor kepuasan kerja, kaedah latihan dan motivasi dalam PLKI yang mempengaruhi tahap prestasi para Imam dalam melaksanakan tugas setelah menamatkan program latihan. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi menghuraikan pengaruh faktor-faktor keberkesanan PLKI. Sampel kajian adalah terdiri daripada 280 orang Imam dalam kalangan LLP KAGAT daripada jumlah populasi seramai 846 orang Imam yang berkhidmat dalam tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Analisis kajian dilakukan dengan menggunakan perisian program IBM SPSS versi 24.0 dan SmartPLS 3.2.5 bagi data kuantitatif yang telah diperolehi secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan nilai min adalah sederhana tinggi bagi keseluruhan faktor dalam PLKI. Melalui ujian *bootstrapping* menunjukkan terdapat korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap prestasi dalam kalangan para Imam di masjid dan surau pada tahap yang sederhana melalui nilai R^2 . Faktor kepuasan kerja paling memberi kesan terhadap prestasi kerja iaitu 39 peratus berbanding faktor kaedah latihan dan motivasi. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya pihak KAGAT dan ILMI agar memberi perhatian yang besar terhadap semua faktor tersebut untuk membantu para Imam meningkatkan prestasi kerja mereka. Kesimpulannya, kepuasan kerja, kaedah latihan dan motivasi telah menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja secara keseluruhannya dan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa program latihan masa kini.

ABSTRACT

This study aims to analyze the effectiveness factors of the Imam Course Training Program (PLKI) at the Institute of Training and Islamic Understanding (ILMI) for Imams among members of Other Ranks (LLP) from the Armed Forces Religious Corps (KAGAT). This study also analyzes the factors of job satisfaction, training methods and motivation in PLKI that affect the level of performance of Imams in performing duties after completing the training program. The design of this study uses a quantitative approach by using a questionnaire as a research instrument to describe the influence of PLKI effectiveness factors. The study sample consisted of 280 Imams among LLP KAGAT from a total population of 846 Imams who served in three services, namely the Royal Malaysian Army, the Royal Malaysian Navy and the Royal Malaysian Air Force. The analysis of the study was performed using IBM SPSS version 24.0 and SmartPLS 3.2.5 software for quantitative data that have been obtained descriptively and inferentially. The findings of the descriptive study showed that the mean value was moderately high for all factors in PLKI. Through bootstrapping test showed there is a significant correlation and contribution to performance among Imams in mosques and suraus at a moderate level through the value of R^2 . The job satisfaction factor has the most impact on job performance which is 39 percent compared to the training method and motivation factor. The implications of this study suggest that KAGAT and ILMI should pay great attention to all these factors to help the Imams improve their work performance. In conclusion, job satisfaction, training methods and motivation have contributed to the improvement of overall job performance and need to be improved from time to time in accordance with the needs and developments during the current training program.

PENGHARGAAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi atas segala nikmat kurniaan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda, serta buat sekalian hamba yang sentiasa beramal mengikut acuan baginda Nabi SAW.

Alhamdulillah, dengan rahmat dan kasih sayang Allah SWT, saya telah berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat Yang Berbahagia Kolonel Dr Hj. Zahimi bin Zainol Abidin (Penyelia Utama) dan Yang Berbahagia Leftenan Kolonel Profesor Madya Dr. Ustaz Hj. Daud bin Hj. Mohamed Salleh (Bersara) (Penyelia Bersama) sebagai individu penting yang mendorong dan membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan juga ditujukan buat Hajjah Normah binti Sharif dan Haji Mohamad bin Arifin yang telah membesarkan dengan kasih dan sayang serta doa yang berpanjangan dan berterusan agar diri ini sentiasa dalam rahmat Tuhan dan sentiasa berpaksikan landasan kejayaan dan kebaikan. Setinggi-tinggi penghargaan juga dititipkan buat isteri tercinta Puan Norasiah binti Nurdin diatas dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi, juga kepada seluruh ahli keluarga tercinta.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan buat Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) diatas kepercayaan yang diberi, kerjasama yang dihulurkan selama tempoh saya menghasilkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI), Sua Bentong, Port Dickson, Negeri Sembilan yang banyak membantu dan memberi kerjasama yang baik selama ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada mereka yang telah banyak memberi bantuan dan kerjasama, yang tidak dapat saya nyatakan di sini. Semoga setiap keringat serta bantuan yang kalian hulurkan akan mendapat ganjaran yang setimpal di sisiNya. Semoga usaha murni yang dilaksanakan ini beroleh rahmat dan keberkatan dari Allah SWT.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KAPTEN AMIRRUL HAFFIS BIN MOHAMAD AL-HAFIZ
PEGAWAI AGAMA/MUDIR PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN DAN
HAFAZAN
PANGKALAN UDARA SUBANG
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

KELULUSAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada 12 Oktober 2021 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Kapten Amirrul Haffis bin Mohamad Al-Hafiz ke atas tesis ijazah sarjana bertajuk Keberkesanan Kursus Imam Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Lain-Lain Pangkat Kor Agama Angkatan Tentera Di Institut Latihan Dan Kefahaman Islam. Jawatankuasa ini memperakukan bahawa calon layak dianugerahkan Ijazah Sarjana (Pengurusan Sumber).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut.

Prof. Dato' Dr. Norhasni binti Zainal Abiddin

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pengurusan & Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Pengerusi)

Prof. Dr. Hj. Hasan Al-Banna bin Datuk Paduka Mohamed

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pengurusan & Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Pemeriksa Dalam)

Prof. Madya Dr. Siti Rohaidah binti Mohamed Zainal (USM)

Pensyarah

Pusat Pengajian Pengurusan

Universiti Sains Malaysia (USM)

(Pemeriksa Luar)

PENYELIAAN

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan **Ijazah Sarjana (Pengurusan Sumber)**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Kolonel Dr. Haji Zahimi bin Zainol Abidin

Fakulti Pengajian Pengurusan & Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
(Penyelia Utama)

**Leftenan Kolonel Prof. Madya Dr. (Ust) Haji Daud bin Haji Mohamed Salleh
(Bersara)**

Fakulti Pengajian Pengurusan & Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
(Penyelia Bersama)

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

PENGESAHAN TESIS

Nama Penuh Pengkaji : Kapten Amirrul Haffis Bin Mohamad Al-Hafiz
Tarikh Lahir : 29 Disember 1986
Tajuk : Faktor Keberkesanan Program Latihan Kursus Imam Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Lain-Lain Pangkat Kor Agama Angkatan Tentera Di Institut Latihan Dan Kefahaman Islam
Sesi Akademik : 2019/2020

Saya mengaku bahawa tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasikan oleh organisasi kajian)*
- TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini keseluruhannya diterbitkan secara terbuka dan atas talian.

Saya mengetahui bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan berhak untuk membuat salinan tesis ini untuk tujuan perkongsian akademik.

(Tandatangan)

Kapten Amirrul Haffis bin
Mohamad Al-Hafiz
861229-38-6779

(No. Kad Pengenalan)

(Tandatangan Penyelia/Dekan
PPS/Ketua Pustakawan)

Kol Dr Hj. Zahimi bin Zainol
Abidin

(Nama Penyelia/Dekan
PPS/Ketua Pustakawan)

Tarikh:

Tarikh:

Nota: Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai sulit dan terhad.

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KELULUSAN	v
PENYELIAAN	vi
PENGESAHAN TESIS	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Takrifan Operasional	10
1.6.1 Prestasi Kerja Imam	11
1.6.2 Keberkesanan Program Latihan Kursus Imam (PLKI)	12
1.6.2.1 Faktor Kepuasan Kerja	13
1.6.2.2 Faktor Kaedah Latihan	13

	1.6.2.3	Faktor Motivasi	14
1.7		Kepentingan Kajian	16
	1.7.1	Kepentingan Kepada Teori	16
	1.7.2	Kepentingan Kepada Organisasi	17
	1.7.3	Kepentingan Kepada Kaedah Penyelidikan	18
1.8		Organisasi Bab Kajian	19
1.9		Kesimpulan Bab	20
BAB 2 KAJIAN LITERATUR			
2.1		Pendahuluan	21
2.2		Takrif Konseptual Istilah	22
	2.2.1	Keberkesanan Program Latihan Kursus Imam	22
		2.2.1.1 Faktor Kepuasan Kerja	28
		2.2.1.2 Faktor Kaedah Latihan	30
		2.2.1.3 Faktor Motivasi	32
	2.2.2	Prestasi Kerja	34
		2.2.2.1 Imam	37
2.3		Hubungan Antara Program Latihan Dengan Prestasi Kerja	38
	2.3.1	Bukti Teoritikal Tentang Hubungan antara Program Latihan dengan Prestasi Kerja	39
		2.3.1.1 Teori Pendidikan Al-Ghazali (1998)	39
		2.3.1.2 Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura, 1977)	41
	2.3.2	Bukti Empirikal Tentang Hubungan di antara PLKI terhadap Prestasi Kerja	42

2.3.2.1	Hubungan antara Faktor Kepuasan Kerja dengan Prestasi Kerja	43
2.3.2.2	Hubungan antara Faktor Kaedah Latihan dengan Prestasi Kerja	45
2.3.2.3	Hubungan antara Faktor Motivasi dengan Prestasi Kerja	49
2.4	Kerangka Konseptual	53
2.4.1	Kerangka Kajian konseptual	53
2.5	Hipotesis Kajian	54
2.6	Kesimpulan Bab	55

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.2.1	Fasa 1: Kajian Rintis	57
3.2.2	Fasa 2: Kajian Sebenar	59
3.2.2.1	Proses Pembentukan Borang Soal Selidik	60
3.2.2.2	Kandungan Borang Soal Selidik	60
3.2.2.3	Proses Pelaksanaan Kajian Sebenar	61
3.3	Unit Analisis dan Prosedur Persampelan	62
3.4	Analisis Data	65
3.4.1	Ujian Kenormalan Data	65
3.4.2	Analisis Korelasi Pearson	66
3.4.3	Analisis Data Menggunakan Pakej <i>SmartPLS</i> Versi 3.2.5	66
3.4.3.1	Analisis Model Pengukuran	67

	3.4.3.2	Ujian Kesahan	67
	3.4.3.3	Ujian Kebolehpercayaan	69
	3.4.4	Analisis Model Struktural	70
3.5		Pengujian Hipotesis	71
	3.5.1	Pengujian Hipotesis Model Kesan Langsung	71
3.6		Dapatan Kajian Rintis	72
	3.6.1	Ujian Kebolehpercayaan Item	73
	3.6.2	Dapatan Perbincangan Formal	73
3.7		Kesimpulan Bab	75
BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN			
4.1		Pendahuluan	76
4.2		Analisis Kajian Sebenar	77
	4.2.1	Penapisan Data	77
	4.2.2	Profil Demografi	78
	4.2.3	Model Persamaan Struktural	79
	4.2.4	Model Pengukuran	80
	4.2.5	Analisis Model Pengukuran	85
	4.2.5.1	Dapatan Ujian Kesahan	85
	4.2.5.2	Dapatan Ujian Kebolehpercayaan	89
	4.2.6	Analisis Model Persamaan Struktural	91
	4.2.7	Dapatan Analisis Korelasi Pearson dan Ujian Statistik Deskriptif	92
4.3		Perbincangan Objektif Kajian Model Kesan Langsung	93
	4.3.1	Perbincangan Objektif Pertama (Hubungan Faktor Kepuasan Kerja) Terhadap Prestasi Kerja	95

4.3.2	Perbincangan Objektif Kedua (Hubungan Faktor Kaedah Latihan) Terhadap Prestasi Kerja	96
4.3.3	Perbincangan Objektif Ketiga (Hubungan Faktor Motivasi) Terhadap Prestasi Kerja	97
4.3.4	Perbincangan Objektif Keempat Iaitu Faktor Keberkesanan Latihan Yang Paling mempengaruhi Prestasi Kerja	98
4.4	Kesimpulan Bab	99

BAB 5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	100
5.2	Ringkasan Kajian	101
5.3	Kesimpulan Kajian	102
5.4	Implikasi Kajian	103
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori	103
5.4.2	Implikasi Terhadap Pengukuhan Kaedah Kajian	104
5.4.3	Implikasi Terhadap Organisasi	105
5.5	Limitasi kajian	106
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	107
5.7	Kesimpulan Bab	108

LAMPIRAN

- A. Surat Permohonan Menjalankan Kajian
- B. Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
- C. Borang Soal Selidik Kajian Rintis
- D. Borang Soal Selidik Kajian Sebenar
- E. Senarai Penerbitan

SENARAI JADUAL

NO.	TAJUK	HALAMAN
JADUAL		
Jadual 1.1	Statistik Kesalahan Anggota Angkatan Tentera Malaysia	7
Jadual 3.1	Maklum Balas Kajian Rintis	72
Jadual 3.2	Dapatan Analisis Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis	73
Jadual 3.3	Responden Perbincangan Formal	74
Jadual 3.4	Dapatan Kajian Rintis Berdasarkan Perbincangan Formal	74
Jadual 4.1	Dapatan Ujian Kenormalan Data	77
Jadual 4.2	Ciri-ciri Responden dan Profil Sampel Kajian Sebenar	78
Jadual 4.3	Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Kepuasan Kerja	80
Jadual 4.4	Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Kaedah Latihan	81
Jadual 4.5	Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Motivasi	83
Jadual 4.6	Maksud Setiap Item yang Berkaitan dengan Prestasi Kerja	84

Jadual 4.7	Nilai Purata Varian Diekstrak (<i>AVE</i>)	86
Jadual 4.8	Dapatan Nilai HTMT	86
Jadual 4.9	Dapatan Ujian Pemberat Silang	87
Jadual 4.10	Nilai Pemberat Antara Item Dengan Konstruk	89
Jadual 4.11	Kebolehpercayaan Komposit dan <i>Alpha Cronbach</i>	91
Jadual 4.12	Anggaran <i>Path Coefficient</i>	92
Jadual 4.13	Dapatan Ujian Statistik Deskriptif dan Analisa Korelasi Pearson	93

SENARAI RAJAH

NO.	TAJUK	HALAMAN
RAJAH		
Rajah 2.1	Model Kesan Langsung	54
Rajah 4.1	Model Struktural Kesan Langsung	79
Rajah 4.2	Hubungan antara Item dan kepuasan kerja	80
Rajah 4.3	Hubungan antara Item dan Kaedah Latihan	81
Rajah 4.4	Hubungan antara Item dan Motivasi	82
Rajah 4.5	Hubungan antara Item dan Prestasi Kerja	84
Rajah 4.6	Analisis Pengesahan Faktor	85
Rajah 4.7	Hubungan Antara Faktor Keberkesanan Program Latihan Kursus Imam Terhadap Prestasi Kerja	94
Rajah 4.8	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis Pertama	95
Rajah 4.9	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis Kedua	96
Rajah 4.10	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis Ketiga	97

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variances</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
ILMI	Institut Latihan dan Kefahaman Islam
DPMKI ATM	Dasar Pembinaan Mental Dan Kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia
KAGAT	Kor Agama Angkatan Tentera
LLP	Lain-lain Pangkat
MAT	Majlis Angkatan Tentera
PMAT 9/91	Perintah Majlis Angkatan Tentera No. 9 Tahun 1991
PTD	Panglima Tentera Darat
RAMD	Rejimen Askar Melayu Diraja
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TPTD	Timbalan Panglima Tentera Darat
TUDM	Tentera Udara DiRaja Malaysia
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
<i>SmartPLS</i>	<i>Smart Partial Least Squares</i>
<i>SPSS</i>	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kecemerlangan dan prestasi kehidupan manusia dicorakkan melalui penguasaan ilmu. Ilmu membangunkan prestasi manakala prestasi menghasilkan kepuasan kerja (Norsyamimi & Mohammad Mujaheed, 2019). Penguasaan ilmu berupaya mengembangkan impian dan pandangan bagi memerhatikan persaingan di dunia. Ilmu juga mampu menggerakkan keupayaan untuk menghapuskan penyelewengan, kekacauan dan penyalahgunaan kuasa dalam masyarakat (Irfan Rizka & Melda, 2020).

Pengetahuan memberi sinar dalam kehidupan seseorang. Penguasaan ilmu akan membantu manusia melihat kehidupan melalui skop yang berbeza. Pengetahuan dan prestasi saling membantu menanam nilai-nilai kehidupan dan kepuasan hidup masyarakat (Maisarah & Sieng, 2021). Pembinaan akhlak dan kemurnian nilai kemanusiaan memperkukuhkan jati diri manusia yang bermoral. Pengetahuan

membersihkan sikap dan tanggapan yang lahir dari dalam jiwa masyarakat (Puput & Jun, 2021).

Menurut Maziahtusima, Mohd Mursyid, Fathiyah, Ismi Ariff, Hayati, Sakinah, Siti Rosilawati, Hazlina, Noor Saazai dan Sarifah Nurhanum (2021) dalam konteks Pendidikan Islam pula, ia mesti berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang berteraskan tauhid kepada Allah SWT manakala kegagalan bertindak sebagaimana yang disarankan akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah Muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Terdapat perbezaan yang ketara antara matlamat pendidikan dan latihan. Alagoz, Chih, Hitchcock, Brown, dan Quanbeck (2018) menyatakan bahawa pendidikan bertujuan untuk mewujudkan perubahan tingkah laku kekal dalam individu melalui penyebaran pengetahuan. Pendidikan formal adalah sesuatu yang disampaikan di sekolah hingga ke peringkat siswazah. Tujuan asas pendidikan jenis ini adalah untuk memberi pengetahuan tentang fakta, konsep, peristiwa dan prinsip. Semua bentuk ini menjadi asas kepada kemahiran yang dipelajari kemudian berfungsi dengan lancar (Sharifah Darmia, Irma Wani, Jais, Mohd Sohaimi, Romzi, Siti Aidah & Budi Anto, 2021). Manakala latihan, tidak seperti pendidikan dan ia hanya difokuskan pada kemahiran tertentu sahaja. Latihan diambil untuk menguasai tugas tertentu dan kebanyakannya diberikan kepada orang dewasa untuk membiarkan mereka menjadi mahir dalam kemahiran tertentu (Latiha, Saemah & Shahlan, 2021).

Menurut Halai dan Durrani (2019) latihan dalam konteksnya bermaksud memberi pengetahuan mengenai kemahiran kepada pekerja baru atau perkerja yang

lama berkhidmat, bagi meningkatkan prestasi kerja dan mempengaruhi keberkesanan organisasi. Seterusnya Sri Dhurgah, Mohamed Ayyub, Shashveena, Rogis, Wan Mohd Azam dan Irmawati (2018) menyatakan bahawa program latihan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan prestasi kerja.

Berdasarkan tuntutan agama dan semasa, pendidikan dan latihan telah menjadi keutamaan kepada setiap individu. Individu yang gagal adalah mereka yang memandang ringan keperluan pendidikan dan latihan dan akhirnya membawa kepada kemunduran dan penyesalan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Prestasi sesebuah organisasi mempunyai kaitan yang erat dengan peningkatan prestasi pekerja. Organisasi yang memiliki pekerja dengan prestasi kerja yang rendah akan mempengaruhi kecemerlangan organisasi dalam jangka masa yang panjang. Ia bukan sahaja menjejaskan prestasi organisasi malah akan memberi kesan yang besar terhadap produktiviti dan ekonomi negara (Norsyamimi & Mohammad Mujaheed, 2019). Menurut Fadzin Nazirin, Mohammad Mujaheed dan Farah Husna (2020) kakitangan sektor awam merupakan elemen penting yang membantu organisasi dalam melaksanakan tugas pentadbiran untuk mencapai sasaran kerja yang ditetapkan. Kakitangan sektor awam memainkan tugas penting untuk memastikan kejayaan mahu pun kegagalan organisasi. Pekerja yang berkualiti mampu menentukan hala tuju pentadbiran yang berkesan.

Menurut Mohd Shukriy (2016) imam melaksanakan kerja berdasarkan pelaksanaan ibadah di masjid dan surau. Tugas yang mulia ini memerlukan kepintaran dan kebolehan yang luar biasa dan ia adalah pemberian Allah SWT. Prestasi kerja imam berkait rapat dengan kejayaannya memikul tugas dalam solat dengan memenuhi semua syarat sah solat. Prestasi kerja imam juga dinilai melalui gaya bacaan yang menarik dan ketepatan hukum Tajwid al-Quran (Muhammad Talhah & Sharul Fitry, 2019).

Dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), para Imam Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) telah diberikan peranan mentadbir, mengurus, mengimarah masjid dan surau ATM. Mereka juga diberikan peranan membimbing para jamaah khususnya anggota ATM dan masyarakat sekitar. Selain dari itu mereka juga bertanggungjawab untuk mempersiapkan warga tentera dengan pengetahuan agama dan kekuatan rohani. Majlis Angkatan Tentera (MAT) yang merupakan penggubal undang-undang yang tertinggi dalam ATM, telah bersetuju mewajibkan setiap anggota tentera yang beragama Islam untuk mengikuti proses pembinaan mental dan kerohanian Islam. Program yang dikenali sebagai Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (DPMKI ATM) telah dirangka oleh KAGAT (Etika dan Prosedur Pelaksanaan Tugas KAGAT, 1997).

Selaras dengan tanggungjawab yang dipikul, maka selayaknya anggota KAGAT perlu diberi peluang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi melaksanakan tugas imam dengan cemerlang. KAGAT telah mengambil daya usaha yang jitu bagi melatih anggotanya dalam meningkatkan kemahiran diri. Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI), banyak

menyumbang kejayaan KAGAT dalam melatih dan mempertingkatkan prestasi kerja imam (Muntaha, Daud & Noor Azmi, 2020).

ILMI berperanan menyediakan para imam yang berwibawa dalam institusi ketenteraan dan dalam masa yang sama berperanan sebagai '*daie askari*'. ILMI telah mereka bentuk program latihan bagi para imam yang dikenali sebagai PLKI agar KAGAT tidak ketandusan imam yang mampu menjalankan tugas dengan berkesan dalam ATM (Burhanuddin, Sayuti, Amnah & Jessica, 2018).

Penguasaan ilmu bagi seseorang imam perlu meluas untuk membantu mereka melaksanakan kerja dengan cemerlang. Penguasaan ilmu yang mantap akan membantu para imam meningkatkan prestasi mereka dan sekaligus mampu melaksanakan tugas dengan lebih cekap. Secara tidak langsung mereka mampu menarik minat masyarakat Islam untuk merapatkan diri dengan masjid dan surau (Ikmal Zaidi & Mohd Khairul 2017).

Menurut Ikmal Zaidi dan Mohd Khairul (2017) lagi, prestasi kerja para imam memimpin jamaah solat, keilmuan yang mantap dan bacaan al-Quran yang menarik adalah daya penarik kepada kejayaan kepimpinan masjid dan surau. Bilangan jamaah, kekhusyukan dan keselesaan jamaah berkait rapat dengan bacaan para imam. Para imam KAGAT mesti meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran khusus bagi mereka memantapkan prestasi kerja (Burhanuddin, 2018).

Sebagai kesimpulan berdasarkan penjelasan yang diberi, para imam merupakan agen penting dalam memimpin masyarakat Islam di masjid dan surau sama

ada dalam ATM mahu pun di luar ATM. Mereka perlu meningkatkan prestasi kerja dalam pelaksanaan tugas melalui latihan yang berkesan seperti dalam PLKI di ILMI. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa terdapat keperluan untuk mengenal pasti faktor keberkesanan PLKI yang telah dilaksanakan di ILMI terhadap prestasi kerja Imam di masjid dan surau dalam ATM.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kusuma, Anwar dan Ubaidah (2021) telah meletakkan kegagalan imam menunjukkan prestasi kerja yang berkesan serta gagal memainkan peranan sebagai pembimbing masyarakat sebagai punca pengimarahannya masjid terganggu. Memandangkan imam sering menjadi perhatian ramai maka mereka memikul harapan yang tinggi dari pihak masyarakat Islam dalam membantu mengembangkan syiar Islam (Mohd Na'im, Zahimi, Daud & Ridwan, 2021). Oleh itu menurut Mohd Na'im, Zahimi, Daud & Ridwan (2021) lagi, imam perlu berusaha meningkatkan prestasi kerja mereka sehingga berupaya menjadi rujukan masyarakat dalam ilmu agama dan masalah kemasyarakatan di luar masjid.

Berdasarkan statistik kekuatan anggota ATM yang dikeluarkan Jabatan Arah Rekod dan Pencen (JRP) pada tahun 2017, seramai 102,398 warga tentera yang sedang berkhidmat dan seramai 94,074 orang adalah beragama Islam iaitu 91.8 peratus dari jumlah keseluruhan warga ATM. Namun menurut Daud (2017) bahawa bilangan pelaku jenayah dari kalangan anggota masih wujud. Hal ini dibuktikan seperti dalam Jadual 1.1. Berpandukan dari statistik yang dinyatakan tersebut memberi gambaran